

06 JUN 2000

Mahkamah-Anwar/I

PERBICARAAN LIWAT ANWAR DISAMBUNG SEMULA ESOK

KUALA LUMPUR, 6 Jun (Bernama) -- Perbicaraan liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim dan adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, di Mahkamah Tinggi di sini, akan disambung semula esok.

Seorang daripada peguam Anwar, Sankaran Nair, berkata beliau menerima faks dari mahkamah itu yang memaklumkan pihaknya mengenai penyambungan semula perbicaraan itu.

Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Rozilah Salleh semasa dihubungi, mengesahkan perkara itu.

Perbicaraan itu ditangguhkan hingga tarikh yang tidak ditetapkan oleh Hakim Datuk Arifin Jaka sementara menunggu penyelesaian rayuan Anwar terhadap keputusan mahkamah untuk tidak memanggil Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai saksi dalam perbicaraan liwat itu.

Anwar dan Sukma telah memohon kepada mahkamah untuk memanggil Dr Mahathir sebagai saksi pembelaan atas sifat peribadinya.

Anwar, 52, dibicarakan bersama dengan Sukma, 39, atas tuduhan berasingan meliwat bekas pemandu keluarganya, Azizan Abu Bakar, di apartmen Sukma di Tivoli Villa, Bangsar, di sini, pada satu malam kira-kira pukul 7.45 antara Januari dan Mac, 1993.

Sukma, seorang ahli perniagaan, menghadapi satu lagi tuduhan, iaitu bersubahat dengan Anwar meliwat Azizan, 39, pada masa dan di tempat yang sama.

Bekas timbalan perdana menteri itu sedang menjalani hukuman penjara enam tahun setelah disabitkan atas empat pertuduhan rasuah kerana campur tangan dalam siasatan polis terhadap dakwaan salahlaku seksualnya.

Anwar, yang juga bekas menteri kewangan, dipecat daripada kabinet pada 2 Sept, 1998.

Semalam, Mahkamah Rayuan menolak rayuan itu selepas membenarkan bantahan awal yang dikemukakan oleh Peguam Negara yang mengetuai pasukan pendakwaan, atas alasan bahawa memandangkan keputusan itu bukan keputusan muktamad, ia tidak boleh dirayu.

Presidennya, Tan Sri Lamin Yunus, yang bersidang bersama-sama hakim-hakim Mahkamah Rayuan Datuk Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim dan Denis Ong, juga memerintahkan perbicaraan itu diteruskan.

Sementara itu, Nair memberitahu pemberita bahawa pihak pembelaan telah memfailkan notis rayuan terhadap keputusan itu, di pejabat pendaftar Mahkamah Rayuan hari ini.

-- BERNAMA

SBB RHM